



Lantera  
Bil 2 / 2019



# Laporan Tahunan **2019**



**KOLEJ KOMUNITI  
JERANTUT**

# Sidang Redaksi

## Penaung

Mej. Bersekutu Hj Ismail Bin Hj Samsudin  
AAM, AMP

## Ketua Sidang Redaksi

Nur Liyana Binti Rusli  
Siti Norisikin Binti Abas

## Ketua Editor

Norsuzilawate Binti Zulkapli

## Penolong Ketua Editor

Ainin Faizah Binti Alias

## Editor

Mohd Azman Bin Rosli

Mohd Redzwan Bin Abdul Mutalib

Ahmad Sabre Bin Osman

Nur Ilyana Binti Abdullah

Noradila Binti Amrun

Nor Amalina Binti Abdullah

Mohamad Azri Bin Mohammad

Mohd Ridhwan Bin Che' Amat

Mohd Redzuan Bin Mohd Aziz

## Grafik dan Susun Atur

Osman Bin Zolkifli

Rosilah Binti Khairudin

## Fotografi

Mohd Shahidan Bin Mohd Zain

Dari Moga

## Ketua Editor

Lantera Bil 2/2019 merupakan laporan tahunan Kolej Komuniti Jerantut bagi tahun 2019 yang mengandungi penulisan berkenaan pencapaian dan kejayaan Kolej Komuniti Jerantut sepanjang tahun 2019. Penerbitan Lantera KKJP antara lain sebagai penghargaan dan bukti usaha murni semua staf dan kakitangan Kolej Komuniti Jerantut yang komited melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam menjayakan misi dan visi jabatan. Kolej Komuniti Jerantut umpama "Lantera" yang membantu menyuluhan dan menyinar kehidupan setiap generasi melalui peranannya dalam berkongsi sumber, membekalkan ilmu, kemahiran dan kepakaran serta melaksanakan aktiviti sosial yang dapat menambah nilai kehidupan. Lantera KKJP semestinya sebuah karya yang melambangkan sebuah kejayaan dan kepuasan yang penuh nilai. Tahniah diucapkan.

Lantera  
Bil 2/2019

Diterbitkan Oleh:



Kolej Komuniti Jerantut  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Taman Wawasan,  
Jalan Jerantut-Temerloh,  
27000 Jerantut, Pahang.  
Tel: 092662945  
Faks: 092662946  
Facebook: Kolej Komuniti Jerantut

# Isi Kandungan

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Sepintas Lalu	1
Misi dan Visi	2
Carta Organisasi	3 - 5
-Pengurusan Tertinggi	
-Unit Pentadbiran	
-Unit Akademik	
Jawatankuasa Penasihat Kolej 2019	6
Bicara pena	7
Laporan Unit Pengurusan	8 - 10
Laporan Unit Pentadbiran	11 - 14
Laporan Unit Akademik	15 - 29
Laporan Unit Pengajian Sepanjang Hayat (PSH)	30 - 34
Laporan Unit Sokongan Akademik	35 - 65
Pencapaian dan Kejayaan	66 - 73
Keratan Akhbar	74 - 75
Autograaf	76

# Sepintas Lalu

## KOLEJ KOMUNITI JERANTUT



Kolej Komuniti Jerantut merupakan Institusi TVET di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kolej Komuniti Jerantut telah ditubuhkan pada 3 Januari 2012 yang beralamat di Taman Wawasan, Jalan Jerantut-Temerloh, 27000, Jerantut, Pahang.

Dua program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Jerantut adalah:

- Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan
- Sijil Akuakultur



## SENARAI PENGARAH KKJP (2012-2020)



# *Misi dan Visi*

## **MISI**

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

## **VISI**

- Menyediakan akses yang meluas kepada program tvet berkualiti dan diiktiraf
- Memperkasa komuniti melalui penyelidikan, inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat
- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan



# *Carta Organisasi*

## PENGURUSAN TERTINGGI



Mejar Bersekutu (PA) Hj Ismail Bin  
Hj Samsudin

*Pengarah*



Nur Liyana Binti Rusli

*Timbalan Pengarah (Pengurusan)*



Siti Norisikin Binti Abas

*Timbalan Pengarah (Akademik)*



Noradila Binti Amrun

*Pegawai Peperiksaan*



Mohd Ridhwan Bin  
Che' Amat

*Pegawai Perhubungan  
Industri dan Alumni*



Nor Amalina Binti  
Adbullah

*Pegawai Pengambilan*



Nur Ilyana Binti  
Adbullah

*Pegawai  
Pembangunan*

# *Carta Organisasi*

## UNIT PENTADBIRAN



Nur Liyana Binti Rusli

*Timbalan Pengarah (Pengurusan)*



Mejar Bersekutu (PA) Hj Ismail Bin  
Hj Samsudin

*Pengarah*



Mohd Redzuan Bin  
Mohd Aziz

*Penolong Pegawai  
Tadbir*



Rosilah Binti  
Khairudin

*Penolong Pegawai  
Teknologi Maklumat*



Asri Bin Mamat

*Penolong Jurutera*



Norahiza Binti  
Fakhruddin

*Penolong Aktauntan*



Mohd Shahidan Bin  
Mohd Zain

*Penolong Pegawai  
Teknologi Maklumat*



Azlina Binti  
Abdul Halim

*Pembantu Tadbir*



Azizurani Binti Ahmad

*Pembantu Makmal*



Azni Binti Zainun

*Pembantu  
Pustakawan*



Rosnina Binti Saad

*Pembantu Operasi*



Muhammad Nazimi Bin

Mat Saleh  
*Pemandu*

# *Carta Organisasi*

## UNIT AKADEMIK



Siti Norisikin Binti Abas  
*Timbalan Pengarah (Akademik)*



Mejar Bersekutu (PA) Hj Ismail Bin  
Hj Samsudin  
*Pengarah*



Ahmad Sabre Bin  
Osman  
*Ketua Program  
Makanan*



Mohamad Azri Bin  
Mohammad  
*Ketua Program  
Akuakultur*



Osman Bin Zolkifli  
*Pensyarah PSH*



Mohd Redzwan Bin  
Abdul Mutalib  
*Ketua Unit  
Pengajian Am*



Noraihan Binti Ahmad  
@Mohamad  
*Pensyarah*



Ainin Faizah Binti  
Alias  
*Pensyarah*



Mohd Azman Bin  
Rosli  
*Pensyarah*



Norsuzilawate Binti  
Zulkapli  
*Pensyarah*

# JAWATANKUASA PENASIHAT KOLEJ

## 2019



	NAMA PENASIHAT KOLEJ	JABATAN/AGENSI
1	YM TENGKU KHAIRUL ZAHIRAH BINTI TENGKU KAMALUDDIN	PEJABAT DAERAH JERANTUT
2	DR AZMAN BIN UZIR	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JERANTUT
3	TN HAJI ISMAIL BIN HAJI SAMSUDIN	KOLEJ KOMUNITI JERANTUT
4	EN MOHD AZIMAN BIN ABU SAMAH	SMK TEMIN
5	EN AMIR HAMZAH BIN OTHMAN	PEJABAT PENGHULU MUKIM PULAU TAWAR
6	EN SAIFULNIZAM BIN SULAIMAN	ZAM AQUATIK
7	EN MOHD MUZAMMIL BIN ROSLEE	SUYA BAKERI
8	PN NURRUL ALIAA BT ABDUL KADER	BIL
9	PN NOR ROSIDAH BINTI OSMAN	ANAKDOL PIZZA JERANTUT

# Bicara Pena



## Pengarah

### Kolej Komuniti Jerantut

Mejar Bersekutu (PA) Hj Ismail Bin Hj Samsudin AAP,AMP

Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia Baru

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, Buletin Lantera KKJP Bil 2 / 2019 berjaya diterbitkan. Sekalung tahniah saya hadiahkan kepada semua warga KKJP di atas kejayaan dalam menerbitkan buletin khas ini. Saya amat kagum dengan komitmen yang diberikan oleh semua warga KKJP.

Paparan Lantera KKJP pada kali ini diharap akan dapat memberikan lebih banyak informasi kepada para pembaca terhadap usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh KKJP untuk menjadi salah satu peneraju institusi TVET yang unggul. Tanggungjawab ini penting bagi memastikan semua warga KKJP memberi perkhidmatan yang terbaik dan menjangkaui ekspektasi dan kehendak jabatan, pelajar-pelajar serta komuniti setempat.

Saya percaya bahawa KKJP akan terus mempertingkatkan penyertaan dalam pertandingan dan kegiatan kemasyarakatan dalam masa akan datang. Kemampuan staf dan pelajar serta kerjasama sebagai sebuah pasukan yang kuat mampu menaikkan imej KKJP di persada pendidikan negara. Pada tahun ini, KKJP telah meraih kejayaan yang besar apabila dinobatkan sebagai JUARA di dalam pertandingan *SME Bank 90-Days Biz Challenge 2019*. Produk PES GULAI TEMPOYAK yang menjadi kebanggaan KKJP ini meraih hadiah wang tunai sebanyak RM20,000.00 beserta trofi dan piala pusingan.

Penglibatan KKJP dengan masyarakat mampu mendekatkan KKJP agar berada di hati masyarakat. Kegiatan turun padang dan tanggungjawab sosial korporat perlu dilebarkan dan diperkuuhkan jaringan dengan komuniti setempat dan pemimpin masyarakat. Justeru itu, KKJP telah melancarkan satu program yang berimpak tinggi dalam membantu golongan asnaf di daerah Jerantut. Program Keusahawanan Komuniti Mobile E-Kasih Amal Rice (MEKAR) 2019 ini telah berjaya dilaksanakan dan membantu meningkatkan tahap ekonomi keluarga semua peserta yang terlibat.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan dan ingin mengucapkan syabas kepada Sidang Redaksi yang telah berusaha dengan gigih hingga berjaya menerbitkan Lantera KKJP 2019 ini. Semoga Lantera KKJP akan menjadi bahan bacaan yang bermanfaat dan penghubung antara KKJP dengan masyarakat.



# *Laporan* **Unit Pengurusan**





## AMAZING STAFF NIGHT 2019

Penulis : NUR LIYANA BINTI RUSLI  
Timbalan Pengarah (Pengurusan)

Anugerah Staf Serba Boleh	Puan Norsuzilawate binti Zulkapli
Anugerah Staf Cemerlang Keusahawanan	Encik Osman bin Zolkifli
Anugerah staf Cemerlang Kursus Pendek	Mohd Ridhwan bin Che' Amat
Anugerah Staf Cemerlang Akademik	Puan Ainin Faizah binti Alias
Anugerah Staf Cemerlang Kategori Pelaksana	Encik Mohd Redzuan bin Mohd Aziz
Anugerah Staf Cemerlang Kategori Pengurusan & Profesional	Puan Nur Liyana binti Rusli
Anugerah Khas Pengarah	Encik Mohd Faiz bin Mohd Zin

Amazing night staff 2019 telah diadakan pada 4 November 2019 bertempat di Hotel Darul Makmur, Jerantut.

Program ini bertujuan untuk menghargai pencapaian dan penglibatan semua staf KKJP sepanjang tahun 2019.



Encik Mohd Redzuan Bin Abd Aziz menerima Anugerah Staf Cemerlang Kategori Pelaksana

# KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN, PENGURUSAN LEAN DAN INSPEKTORAT DALAMAN

Penulis : NUR LIYANA BINTI RUSLI  
Timbalan Pengarah (Pengurusan)

Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan dalam Pengurusan Kewangan, Lean dan juga Inspektorat Dalaman kepada semua warga Kolej Komuniti Jerantut.

Objektif kursus adalah :

- a) Memberi pemahaman jelas mengenai pengurusan kewangan yang digunakan dalam urusan kewangan kolej khususnya
- b) Membantu peserta memahami konsep pengurusan lean
- c) Memberi informasi mengenai peranan dan tanggungjawab pasukan inspektorat dalaman
- d) Memupuk budaya kerja yang mementingkan integriti dalam menjalankan tugas sehari-hari



En Azman Bin Rosli menyampaikan taklimat berkenaan dengan Inpektorat Dalaman



Puan Nur Liyana Binti Rusli menyampaikan taklimat berkenaan lean management



Unit Kewangan turut menyampaikan taklimat berkenaan pengurusan kewangan



# *Laporan* **Unit Pentaadbiran**



# PERHIMPUNAN BULANAN STAF

Penulis : Azizurani Binti Ahmad

Perhimpunan staf telah dilaksanakan setiap bulan bagi menyalurkan informasi terkini kepada semua staf. Semua program dan aktiviti sepanjang bulan juga dibentangkan.

## "Together We Achieve More"

Slogan yang menjadi *tagline* Kolej Komuniti Jerantut ini sering disebut oleh Pengarah, Tuan Haji Ismail bin Haji Samsudin dalam ucapan beliau bagi menaikkan lagi semangat kerja berpasukan seterusnya membawa lebih kejayaan dalam jabatan.



Beliau turut mengucapkan tahniah kepada semua staf atas kejayaan program yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

Sebagai penghargaan, Anugerah Pekerja Contoh Bulanan dan Anugerah Khas Pengarah turut disampaikan kepada pegawai yang menjalankan tugas dengan cemerlang setiap bulan. Tahniah diucapkan.



Penerima Anugerah Pekerja Contoh Bulan Februari 2019 Dan Anugerah Khas Pengarah



Warga Kolej Komuniti Jerantut



Majlis perpisahan staf pada April 2019

Majlis perpisahan bagi staf yang berpindah turut diselitkan dalam slot perhimpunan bulanan. Mereka diraikan atas khidmat bakti yang dicurahkan selain tanda ingatan sebelum bertugas di tempat baharu.

**Andai ada sumur di ladang,  
boleh kita menumpang mandi.  
Andai ada umur yang panjang,  
boleh kita berjumpa lagi.**

Pesanan dan amanat Pengarah mengakhiri perhimpunan dengan mengingatkan semua staf agar memulakan setiap kerja dengan niat "Hanya Kerana Allah" dan baiki diri ke arah lebih baik pada Tahun 2020.

Perhimpunan Staf Januari 2019	29 Januari 2019
Perhimpunan Staf Februari 2019	26 Februari 2019
Perhimpunan Staf Mac 2019	25 Mac 2019
Perhimpunan Staf April 2019	30 April 2019
Perhimpunan Staf Mei 2019	30 Mei 2019
Perhimpunan Staf Jun 2019	28 Jun 2019
Perhimpunan Staf Julai & Ogos 2019	27 September 2019
Perhimpunan Staf September 2019	04 November 2019
Perhimpunan Staf Oktober & November 2019	20 Disember 2019

# ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULANAN (APCB)

Penulis : Azizurani Binti Ahmad

Penganugerahan Pekerja Contoh Bulanan (APCB) sebagai penghargaan kepada staf yang komited dan menjalankan tugas dengan cemerlang. Penerima APCB diberikan kepada dua kategori iaitu Kumpulan Pengurusan Pentadbiran dan Kumpulan Akademik Pendidikan Berterusan.



Penganugerahan APCB ini diharapkan dapat memotivasi semua staf untuk memberikan khidmat dengan lebih cemerlang, berdedikasi dan sekaligus dapat meningkatkan imej jabatan.



	Pengurusan dan Pentadbiran	Akademik Pendidikan Berterusan
APCB Januari 2019	NUR LIYANA BINTI RUSLI	AININ FAIZAH BINTI ALIAS
APCB Februari 2019	ASRI BIN MAMAT	NORAIHAN BINTI AHMAD @ MOHAMAD
APCB Mac 2019	NOR AMAINA BINTI ABDULLAH	AHMAD SABRE BIN OSMAN
APCB April 2019	MOHD REDZUAN BIN MOHD AZZ	EHSAN HARDZAH BTE SIUHAIMI
APCB Mei 2019	AZIZURANI BINTI AHMAD	NORSUZILAWATE BINTI ZULKAPU
APCB Jun 2019	NUR LIYANA BINTI RUSLI	SITI NORISKIN BINTI ABAS
APCB Julai 2019	ASRI BIN MAMAT	MOHD AZMAN BIN ROSLI
APCB Ogos 2019	MUHAMAD NAZIM BIN MAT SALEH	NURAIYAH BINTI MAZLAN
APCB September 2019	MOHD REDZUAN BIN MOHD AZZ	AININ FAIZAH BINTI ALIAS
APCB Oktober 2019	MOHD REDZUAN BIN MOHD AZZ	MOHD AZMAN BIN ROSLI
APCB November 2019	MOHD RIDWAN BIN CHE' ANNAI	NORSUZILAWATE BINTI ZULKAPU

Senarai penerima APCB Januari – November 2019

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 telah diterima oleh Norahiza Binti Fakhruddin dan Jason Choy Min Sheng berdasarkan prestasi cemerlang, berdisiplin dan hubungan mesra sesama rakan sekerja.



Tahniah dincapkan. Semoga terus cemerlang.

# UNIT PENTADBIRAN

Penulis : Azizurani Binti Ahmad

Unit Pentadbiran merupakan tunjang utama Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti Jerantut. Ini kerana ia bertanggungjawab penuh memastikan pengurusan pejabat, pentadbiran dan kewangan dilaksanakan mengikut prosedur yang betul.

Fungsi Unit Pentadbiran terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

- i. **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Perkhidmatan**
- ii. **Bahagian Kewangan**

Mesyuarat Pentadbiran Bil.1/2019	01 Februari 2019
Mesyuarat Pentadbiran Bil.2/2019	07 Mac 2019
Mesyuarat Pentadbiran Bil.3/2019	10 Mei 2019
Mesyuarat Pentadbiran Bil.4/2019	16 Ogos 2019
Mesyuarat Pentadbiran Bil.5/2019	11 Disember 2019

Mesyuarat Pentadbiran 2019

Bagi memastikan perjalanan dan struktur pentadbiran yang baik, Mesyuarat Pentadbiran telah diadakan. Selain bagi memenuhi KPI yang telah ditetapkan, mesyuarat ini dapat memastikan hal-hal berbangkit dapat diselesaikan bersama dengan kadar segera.

Pencapaian terbaik prestasi perbelanjaan sepanjang 2019 :

**CEMERLANG 99.99%**



Unit Pentadbiran yang diketuai oleh En. Mohd Redzuan Bin Mohd Aziz.

## AKTIVITI SEPANJANG 2019



Bengkel Pengurusan Kewangan pada 6 November 2019



Taklimat Keselamatan dan Fire Drill pada 18 Disember 2019



# *Laporan* **Unit Akademik**



# Projek CSR Membina Sudut Sihat di Maahad Dirasat Diniyyah Jerantut

Penulis : Norsuzilawate Binti Zulkapli

Pensyarah Unit Pengajian Am



*Sudut Sihat yang telah disediakan oleh pelajar-pelajar SPK Kolej Komuniti Jerantut diharap dapat memberi manfaat kesihatan kepada warga maahad di samping menambahkan keceriaan kawasan*

Pelajar SPK 2 di bawah modul MPU 1411 Kokurikulum (Kelab) telah menjalankan Projek Khidmat Masyarakat (CSR) Membina Sudut Sihat di Maahad Dirasat Diniyyah Jerantut. Di bawah modul ini, pelajar-pelajar perlu merancang program/aktiviti yang boleh dilaksanakan bersesuaian dengan kelab yang ditubuhkan. Pelajar-pelajar ini telah merancang projek kesukarelawan melalui Kelab Sukarelawan yang ditubuhkan, bermula dengan penyediaan kertas kerja, aktiviti mesyuarat, perancangan projek dan carta perbatuan, perlaksanaan projek seterusnya penyediaan laporan aktiviti. Kesemua peringkat kerja ini dinilai oleh pensyarah untuk pemarkahan modul ini.

Projek CSR ini diharap dapat menyediakan satu sudut sihat kepada pelajar-pelajar Maahad Dirasat Diniyyah Jerantut. Laluan slab batu refleksologi yang dibina pelajar-pelajar dapat membantu melancarkan pengedaran darah dan meningkatkan tahap kesihatan. Sudut ini juga dilihat telah menambahkan keceriaan landskap di maahad ini.



*Pelajar-pelajar membina bangku simen fero untuk diletakkan di sudut sihat*



*Pelajar-pelajar Maahad turut membantu projek pembinaan sudut sihat*

# Bengkel Membina S.O.P Perniagaan

Penulis : Norsuzilawate Binti Zulkapli  
Pensyarah Unit Pengajian Am



**5-6 Mac 2019**

Unit Pengajian Am dengan kerjasama Unit Keusahawanan telah mengadakan Bengkel Membina S.O.P Perniagaan yang bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan S.O.P (Standard Operation Procedure) dalam sesebuah perniagaan. Peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan serta Sijil Akuakultur telah mempelajari panduan bagaimana untuk menyediakan S.O.P perniagaan dan manfaat S.O.P bagi sesebuah organisasi atau syarikat.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi pendedahan tentang kepentingan membina SOP untuk sesebuah perniagaan.
- Menggalakkan pelajar menjalankan perniagaan yang mempunyai SOP
- Mempraktikkan kemahiran-kemahiran perniagaan yang mempunyai standard aktiviti dan berdokumen.
- Membantu pelajar menguruskan perniagaan dengan lebih sistematis.



Penceramah Encik Mohd Idahar Bin Zulkuply yang merupakan *Strategi Director* Syarikat SAM & ADAM'S mengendalikan bengkel S.O.P Perniagaan yang telah dijalankan selama dua hari.

### Manfaat SOP perlu ada bagi sebuah organisasi atau syarikat untuk :

- Mengawal aliran tunai : dapat mengawal pendapatan dan pengeluaran kewangan
- Penyelarasaran makluman : semua staf maklum cara melakukan aktiviti tertentu
- Aplikasi perundungan bisnes: dokumen dokongan kepada KWSP/SOCSO/LHDN
- Sokongan keperluan bisnes : dapat mengukur KPI staf

# Lawatan Sambil Belajar

## Anjuran Food Expert Club

Penulis : Ainin Faizah Binti Alias (Penasihat Kelab Food Expert)



Peserta lawatan FHM Food & Hotel Malaysia



Lawatan sambil belajar ke Festival Food & Hotel Malaysia di KLCC bersama pensyarah-pensyarah Unit Pemprosesan Makanan dan pelajar-pelajar semester 2 dan 3. Lawatan yang dianjurkan oleh Food Expert Club telah dilaksanakan pada 24 September 2019.



Pelbagai pengetahuan diperolehi melalui aktiviti lawatan sambil belajar

### Objektif Program Ini Untuk:

- Memberi pendedahan kepada para pelajar tentang perkembangan industri semasa dalam pemprosesan makanan.
- Meningkatkan pengetahuan pelajar melalui perkongsian ilmu dengan para usahawan dan pihak industri.
- Memperolehi pengetahuan melalui pembelajaran masteri yang mana ia merupakan satu kaedah yang berkesan dalam menyalurkan maklumat kepada pelajar-pelajar.



Antara pameran yang terdapat di FHM Food & Hotel Malaysia

# Lawatan Sambil Belajar

## Anjuran Food Expert Club

Penulis : Ainin Faizah Binti Alias (Penasihat Kelab Food Expert)



Lawatan ke Cameron Highlands, Pahang telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2019. Seharian di Cameron Highlands, pelajar dibawa melawat ke 3 destinasi pemprosesan makanan iaitu Taman Agro Al Mashoor, Agro Technology Park Mardi dan Ladang Teh Boh Sungai Palas.



Peserta lawatan yang terdiri daripada pelajar SPK 2 dan SPK 3



Aktiviti peserta di kilang pemprosesan produk makanan berdasarkan strawberi

### Impak kepada program ini adalah:

- ✓ Pendedahan tentang teknologi terbaru dan mesin-mesin terkini..
- ✓ Melihat dan merasa produk-produk baharu yang berada di pasaran.
- ✓ Meneroka perkembangan produk makanan yang dihasilkan oleh warga tempatan di tanah tinggi.
- ✓ Pemindahan ilmu dan kepakaran dari industri kepada pelajar-pelajar.
- ✓ Meningkatkan tahap keyakinan pelajar untuk berhadapan dengan pihak industri.



Peserta melawat ladang teh dan melawat kilang pemprosesan produk makanan berdasarkan strawberi



# KURSUS PENILAIAN SENSORI PRODUK MAKANAN

Penulis : Ahmad Sabre Bin Osman (Ketua Program SPK)

- Kursus ini telah berjaya dilaksanakan pada **10 hingga 12 April 2019**.
- Program ini dianjurkan bagi menambah nilai program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan dengan kerjasama **Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Malaysia Terengganu**.



Pelajar-pelajar sedang melaksanakan amali sensori produk makanan



Penyampaian sijil oleh pengarah KKJP kepada penceramah

## Biodata Penceramah:

- **Dr. Faridah Yahya**
- Pengerusi Program, Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)
- Sarjana Muda Sains Makanan dan Pemakanan (UKM), Sarjana Sains (Sains Makanan) (UKM) dan Doctor of Philosophy, University of Birmingham



Persediaan peserta bagi amali sensori produk makanan

Objektif kursus dalam ini adalah memberikan pengukuhan pengetahuan mengenai jenis-jenis ujian sensori yang dijalankan dan memberi pendedahan kepada pelajar bagi memantapkan lagi pengetahuan terhadap subjek SPK 2053 Kawalan Mutu Makanan.

# KURSUS ASAS PENYEMBELIHAN

Penulis : Ahmad Sabre Bin Osman  
(Ketua Program SPK)



“Kursus Asas Penyembelihan ini telah berjaya dilaksanakan pada **11 September 2019** bertempat di Dewan Masjid Tengku Mahkota Abdullah, Jerantut dengan kerjasama **Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)**”.



Pengarah KKJP bersama penceramah



Peserta diberi penerangan kaedah yang betul untuk melaksanakan proses sembelihan.



Amali penyembelihan halal ini menggunakan ayam untuk latihan sembelihan.

## Impak kursus ini adalah:

- ✓ Pengukuhkan pengetahuan mengenai penyembelihan mengikut syarak.
- ✓ Melaksanakan amali penyembelihan mengikut syarak.
- ✓ Mengetahui teknik penyembelihan secara komersil.
- ✓ Mengetahui isu-isu terkini yang berkaitan dengan isu semasa yang berkaitan dengan penyembelihan halal.

# Pro'F Skill Competition

Penulis : Ahmad Sabre Bin Osman (Ketua Program SPK)



Program Pertandingan Kemahiran Penghasilan Kacang Soya, Keropok Lekor dan Roti Institusi TVET Pahang dengan jayanya telah dilaksanakan pada 28 Februari 2019 bertempat di Makmal Pemprosesan, Makmal Penyediaan Dan Makmal Bakeri, Kolej Komuniti Jerantut.



Peserta dari 5 institusi TVET berhimpun untuk acara Pro'F Skill Competition 2019

Keropok lekor sambal hitam bawa tuah | Harian Metro  
<https://www.hmetro.com.my/malaysia/2019/02/28/keropok-lekor-sambal-hitam-bawa-tuah>

HM Online  
Keropok lekor sambal hitam bawa tuah  
KEROPOK lekor sambal hitam mungkin kedengaran agak pelik namun hasil inovasi dua penuntut Kolej Komuniti Jerantut (KKJ) yang menggabungkan makanan tradisi Terengganu dan Pahang...

Kemenangan produk inovasi Keropok Lekor Sambal Hitam telah mendapat liputan media.



Peserta menyiapkan hasil masakan masing-masing untuk dinilai.

# KURSUS PENSIJILAN HALAL

Penulis : Noraihan Binti Ahmad@Mohamad (Pengarah Program)

Tarikh : **16 Oktober 2019**  
Tempat : Dewan As-Syafie',  
Masjid Tengku Mahkota  
Abdullah, Jerantut



Penyampaian cenderahati dan sijil kepada penceramah



Peserta kursus Pensijilan Halal telah dihadiri oleh pensyarah dan pelajar Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan



Peserta sedang mengikuti Kursus Pensijilan Halal



Penyampaian ceramah berkenaan dengan tatacara permohonan persijilan halal

## Objektif kursus adalah:

- i. Bagi memenuhi keperluan kursus bagi Program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan iaitu Kursus Pengenalan Makanan Halal.
- ii. Memantapkan lagi kefahaman dalam prosedur permohonan halal.
- iii. Mengetahui proses-proses audit yang dijalankan berserta isu-isu yang berkaitan dengan industri halal di Malaysia.



# Lawatan Sambil Belajar

## Kelab Aqua Crew

Penulis : Mohamad Azri Bin Mohammad (Penasihat Kelab Aqua Crew)



28 Februari 2019  
(Khamis)



- 1) Pusat Biosekuriti Perikanan Selangor, KLIA, Sepang
- 2) Aquascape Malaya, Setiawangsa

Pusat Kesihatan Ikan & Kuarantin KLIA, Sepang

- Melihat prosedur ikan masuk dan keluar Malaysia (Import dan eksport)
- Teknik mengesan dan mengenalpasti penyakit bawaan ikan

Aquascape Malaya, Setiawangsa

- Memfokuskan aquascape (ekosistem ikan dan tumbuhan dalam akuarium)
- Budaya aquascape semakin mendapat tempat dalam penghobi akuarium Malaysia



Aktiviti sepanjang tempoh lawatan sambil belajar Kelab Aqua Crew



# Lawatan Sambil Belajar

## Kelab Aqua Crew

Penulis : Mohamad Azri Bin Mohammad (Penasihat Kelab Aqua Crew)



**20 Mac 2019  
(Rabu)**



Pusat Pengajian Sains Perikanan  
dan Akuakultur (PPSPA),  
Universiti Malaysia Terengganu

Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur (PPSPA), Universiti Malaysia Terengganu

- Mengetahui program-program yang dijalankan di Universiti Malaysia Terengganu terutama Diploma Perikanan
- Membincangkan halatuju pelajar selepas tamat Sijil Akuakultur
- Melihat prasarana dan teknologi canggih yang terdapat di peringkat Universiti



Aktiviti sepanjang tempoh lawatan sambil belajar Kelab Aqua Crew



# Program CSR Sanctuari Penyu

## Kelab Aqua Crew

Penulis : Mohamad Azri Bin Mohammad (Penasihat Kelab Aqua Crew)



**28-29 Oktober 2019  
(Isnin-Selasa)**



**FRI Rantau Abang, Dungun,  
Terengganu**

**FRI Rantau Abang, Dungun, Terengganu**

- Taklimat pemuliharaan hidupan marin mamalia terutama sp penyu
- Lawatan ke Galeri Marin Mamalia
- Pembersihan kawasan sanctuari penyu



Aktiviti sepanjang tempoh lawatan sambil belajar Kelab Aqua Crew



# Audit SRR Sijil Akuakultur

Penulis : Mohamad Azri Bin Mohammad (Ketua Program Sijil Akuakultur)



9-10 April 2019  
(Selasa-Rabu)



Kolej Komuniti Jerantut

## Audit SRR Sijil Akuakultur

- Syarat wajib MQA iaitu dalam tempoh 5 tahun selepas mendapat Akreditasi Penuh perlu menjalankan Audit Self Review Report (SRR) bagi Sijil Akuakultur
- Audit bertujuan menambaik Sijil Akuakultur dari segi dokumentasi, pengajaran, penilaian, prasarana, pengurusan dan kewangan.
- 2 orang auditor pensyarah Sijil Akuakultur dari Kolej Komuniti Bera



Aktiviti sepanjang tempoh audit SRR Sijil Akuakultur



# Lawatan Delegasi Tinsulanonda Fisheries College ke Malaysia

Penulis : Mohamad Azri Bin Mohammad (Ketua Program Sijil Akuakultur)



9-13 September 2019  
(Isnin - Jumaat)



Kolej Komuniti Bera  
Kolej Komuniti Jerantut

Lawatan Tinsulanonda Fisheries College (TFC), Songkhla, Thailand

- Program kali ke 4 daripada kesinambungan MoU SEA-TVET di Brunei pada 2016
- 6 orang pelajar dan 2 pensyarah dari TFC dibawa ke KK Bera dan KK Jerantut sebagai pertukaran pelajar dan pensyarah selama 5 hari
- Antara aktiviti adalah aktiviti pdp bersama pelajar Kolej Komuniti dan TFC serta lawatan ke industri akuakultur di Malaysia



Aktiviti sepanjang tempoh lawatan delegasi Tinsulanonda Fisheries College ke Malaysia



# Kursus Asas Aquascaping untuk Pensyarah Akuakultur Kolej Komuniti dan Politeknik

Penulis : Mohamad Azri Bin Mohammad (Ketua Program Sijil Akuakultur)



16-18 Oktober 2019  
(Rabu - Jumaat)



Kolej Komuniti Kelana Jaya, Selangor

## Kursus Asas Aquascaping

- Seramai 20 orang pensyarah akuakultur dari KK Jerantut, KK Bera, Politeknik Jeli dan Politeknik Sandakan menyertai kursus reskilling asas aquascaping
- Pensyarah didedahkan tentang teknik dan tema yang ada dalam aquascaping secara teori dan melakukan sendiri dekorasi aquascape secara praktikal



Aktiviti sepanjang kursus Asas Aquascaping yang disertai pensyarah-pensyarah Akuakultur Kolej komuniti dan Politeknik





# *Laporan* **Unit Pengajian Sepanjang Hayat (PSH)**



# KURSUS PENGHASILAN CHEESE TART DAN EGG TART

SITI NORISIKIN BINTI ABAS  
Timbalan Pengarah Akademik

**Kolej Komuniti Jerantut menawarkan pelbagai Kursus Pendek mengikut kepada permintaan komuniti sekitar Jerantut.**

Pelbagai kursus antaranya iaitu Kursus Penghasilan Cheese Tart dan Egg tart merupakan salah satu Kursus Pendek yang dijalankan bersama komuniti setempat.

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan dan kemahiran kepada peserta kaedah penghasilan dua produk yang sering mendapat permintaan.

Produk makanan seringkali dipinta oleh penduduk sekitar memandangkan majoriti peserta yang akan turut serta di dalam kursus adalah dari golongan wanita.

Impak besar penyertaan wanita untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran di bawah Kolej Komuniti Jerantut sedikit sebanyak membantu mereka untuk menjana pendapatan serta menaikkan ekonomi keluarga.



**Peserta bergambar bersama produk yang dihasilkan dan tenaga pengajar.**



**Peserta bergambar kenangan bersama Sijil Penyertaan kursus**

# KURSUS PENGHASILAN BAKA BAHARU IKAN

SITI NORISIKIN BINTI ABAS  
Timbalan Pengarah Akademik



Penceramah iaitu Dr Shahreza menerangkan kaedah memilih baka baharu kepada penternak.



Peserta menumpukan perhatian sepenuhnya sepanjang kursus berjalan.

**Kursus Penghasilan Baka Baharu Ikan ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada penternak seluruh Malaysia.**

**Kursus ini adalah cara yang perlu dilakukan supaya memperolehi anak benih yang cantik, kuat serta kurang dijangkiti penyakit.**

Masalah ini sering di hadapi oleh penternak di seluruh Malaysia terutamanya penternak ikan kolam. Masalah ini juga mengakibatkan kerugian yang besar kepada penternak.

Objektif kursus ini tercapai sepenuhnya dan peserta turut berpuas hati dengan kursus yang dijalankan.



Bergambar kenangan bersama Tenaga Pengajar iaitu Dr Shahreza selepas majlis penyampaian Sijil Penyertaan

# Program Keusahawanan Komuniti Mobile E-Kasih Amal Rice (MEKAR) 2019



Penulis: Norsuzilawate Binti Zulkapli  
Setiausaha projek MEKAR 2019

**Program Keusahawanan Komuniti Mobile E-Kasih Amal Rice atau MEKAR 2019**  
merupakan program yang dirangka untuk meningkatkan keupayaan aksesibiliti komuniti terhadap peluang mempelajari kemahiran dan keusahawanan melalui pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) bagi melahirkan usahawan dalam kalangan komuniti setempat.

## OBJEKTIF



Membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif berteraskan keusahawanan kepada golongan sasaran.



Melahirkan usahawan yang berkemahiran tinggi di terhadap golongan sasaran.



Membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi kepada golongan sasaran.




Golongan asnaf yang dipilih akan diberi bimbingan keusahawanan, latihan kemahiran, persedian menjalankan perniagaan dan pemantauan dan penyeliaan perniagaan



Peserta-peserta dan jawatankuasa Projek Mekar 2019

### CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN



Rajah di atas menunjukkan carta alir pelaksanaan Projek Mekar 2019

### IMPAK PROJEK



Peningkatan pendapatan sehingga RM1500.00 sebulan



MEKAR Project menjadi platform Untuk peserta mengembangkan perniagaan

### AGENSI YANG TERLIBAT





# *Laporan*

## **Unit Sokongan Akademik**



# Program University Community Engagement (UCE) : Malaysia Book Of Records (MBOR) - Mural Tapak Tangan Terbanyak Secara Serentak

Penulis : Nur Ilyana Binti Abdullah

Program University Community Engagement (UCE) : Malaysia Book Of Records (MBOR) - Mural Tapak Tangan Terbanyak Secara Serentak telah diadakan pada 6 April 2019 di Sekolah Tunas Bakti Jerantut. Program ini dianjurkan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Objektif program ini adalah untuk menghasilkan mural tapak tangan paling banyak secara serentak seluruh Malaysia untuk rekod MBOR ialah sekurang-kurangnya 100 000 tapak tangan.

Program ini disertai oleh 63 orang pelajar iaitu 13 orang pelajar Kolej Komuniti Jerantut, 25 orang pelajar UiTM Jengka dan 25 orang pelajar Sekolah Tunas Bakti.



Para peserta yang mengikuti projek MBOR-Mural Tapak Tangan Terbanyak Secara Serentak



Peserta-peserta menyiapkan projek MBOR-Mural Tapak Tangan Terbanyak Secara Serentak



## Impak program:

- i) Meningkatkan semangat kesukarelawan pelajar.
- ii) Menyemarakkan budaya kebahagiaan, kasih sayang, hormat menghormati, bertanggungjawab dan prihatin di kalangan pelajar.

# Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti Jerantut 2019

Penulis : Nur Ilyana Binti Abdullah

Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti Jerantut 2019 diadakan pada 9 Oktober 2019 melibatkan kerjasama daripada pihak Klinik Pergigian Jerantut. Antara objektif program adalah untuk meningkatkan pengetahuan warga Kolej Komuniti Jerantut tentang kepentingan amalan penjagaan kesihatan pergigian.

Aktiviti yang diadakan:

- i) Pameran Pergigian
- ii) Ceramah pergigian
- iii) Demonstrasi latihan memberus gigi, penggunaan flos dan pemeriksaan mulut kendiri
- iv) Aktiviti berkumpulan

Program Kesihatan Pergigian adalah disasarkan kepada pelajar dan kakitangan kolej komuniti ini diberikan nama gelaran Program ‘TW1ST’ yang bermaksud Transformation With 1 Smile Together. Tema TW1ST adalah ‘Bersama Dalam Satu Senyuman’.



Pelajar sedang membersihkan dan menghias akuarium



Pelbagai info berkenaan dengan penjagaan gigi diperolehi pelajar-pelajar



Pelajar sedang menjalani pemeriksaan pergigian

**Impak program:**

- i) **Membina kemahiran dalam mengamalkan penjagaan kesihatan pergigian yang berkesan.**
- ii) **Membudayakan kesihatan pergigian yang baik dalam membentuk budaya hidup sihat**

# Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Pahang 2019

Penulis : Noradila binti Amrun

Raptai : 19 Ogos 2019 ( Isnin )

Majlis Konvokesyen : 20 Ogos 2019 ( Selasa )

Tempat : Grand Ballroom, Bukit Gambang Resort City, Gambang.

Bil. Graduan : 97 graduan



Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Pahang Tahun 2019 telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah



- i. Istiadat Konvokesyen Kolej Komuniti disambut setiap tahun bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian.
- iii. Betapa pentingnya peranan semua staf yang bukan sahaja melaksanakan tugas hakiki di dalam kolej, sebaliknya turut terlibat dalam melaksanakan dan menjayakan tanggungjawab masing-masing sepanjang majlis konvokesyen berlangsung.
- iii. Majlis ini telah dapat memberikan pengalaman yang indah dan bermakna kepada pelajar yang berjaya. Semoga pengalaman ini akan menjadi kenangan manis mereka sepanjang hayat dan pembuka semangat kepada kecemerlangan pada masa hadapan.

# Projek Peneranganan Hidupan Air Tawar dan Ikan Hiasan Bersama Sekolah Kebangsaan Temin

Penulis : Mohd Ridhwan Bin Che' Amat

Kolej Komuniti Jerantut berkolaborasi dengan Sekolah Kebangsaan Temin, Jerantut dalam melaksanakan projek peneranganan ikan air tawar, udang galah dan ikan hiasan.

Bagi mencapai hasrat ini, pihak pengurusan Sekolah Kebangsaan Temin telah memperuntukan sejumlah dana kepada Unit Akuakultur Kolej Komuniti Jerantut bagi kerja-kerja penyediaan kolam tanah dan akuarium yang terdapat di sekolah tersebut.

Kerja-kerja penyediaan kolam tanah seperti pengapuruan, pembajaan, penyelenggaraan kecil serta pemasangan jaring hapa dilakukan oleh sejumlah 19 orang pelajar semester 2 beserta pensyarah pembimbing dari unit akuakultur sebelum pelepasan benih ikan air tawar dan udang galah (*Macrobrachium rosenbergii*) dilakukan.

Peningkatan industri ikan hiasan, tumbuhan akuatik serta *aquascaping* di Malaysia juga telah menarik minat pihak pengurusan sekolah untuk memohon bantuan kepakaran daripada Kolej Komuniti Jerantut. Berbekalkan ilmu yang diajar oleh pensyarah, pelajar-pelajar telah dipraktiskan untuk melakukan kerja-kerja menghias akuarium (*vivarium*) dan penyediaan tempat dengan ikan hiasan terpilih bagi menceriakan suasana pemandangan di dalam sekolah.



Pelajar sedang membersihkan dan menghias akuarium



Aktiviti membersihkan kolam oleh pelajar-pelajar

# Majlis Menandatangani Nota Kolaborasi Bersama Golden Lobster (M) Sdn Bhd

Penulis : Mohd Ridhwan Bin Che' Amat



Pengarah KKJP sedang menandatangani Nota Kolaborasi

**Tarikh : 28 Julai 2019**  
**Tempat : Golden Lobster (M) Sdn Bhd, Kuala Selangor, Selangor**

Penglibatan pihak industri dalam melahirkan lulusan yang berkemahiran tidak dapat dinafikan peranannya. Malah maklumbalas industri dari semasa ke semasa terbukti dapat meningkatkan mutu lulusan yang dilahirkan. Kolej Komuniti Jerantut sedar akan keperluan tersebut dan memastikan hubungan bersama industri sentiasa terjalin malah semakin kukuh.



Pengarah KKJP sedang menyampaikan ucapan dan merasmikan program

Majlis Nota Kolaboratif Kolej Komuniti Jerantut Bersama Industri 2019 yang melibatkan usahasama dalam pelbagai aspek khususnya bidang akuakultur di antara Kolej Komuniti Jerantut dengan industri yang menjalankan aktiviti penternakan udang kara air tawar iaitu Golden Lobster (M) Sdn Bhd diadakan untuk memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berteraskan kemahiran di Kolej Komuniti Jerantut sentiasa relevan dengan kehendak industri serta dapat melahirkan lulusan yang mempunyai tahap kebolehpasaran yang tinggi dan berdaya saing.



Perasmian pembukaan pusat penternakan udang kara air tawar dan penyerahan sijil kolaborasi

Objektif Majlis Nota Kolaboratif Kolej Komuniti Jerantut Bersama Industri 2019 antaranya adalah untuk:

- Mengukuhkan hubungan institusi dengan pihak Kolej Komuniti Jerantut**
- Membuka peluang pekerjaan kepada para pelajar**
- Memastikan para pelajar dapat melengkapkan diri dengan kriteria terkini yang diperlukan oleh pihak industri.**

Di dalam majlis ini, pihak Kolej Komuniti Jerantut juga dapat berkongsi maklumat bersama pihak industri dan para jemputan terhadap aktiviti - aktiviti yang dirancang dan telah dilaksanakan oleh Kolej Komuniti. Penekanan juga perlu ditumpukan kepada tujuan, fungsi dan kepentingan hubungan industri dalam menghasilkan kualiti kemahiran terbaik di kalangan lulusan Kolej Komuniti.

# Penyelidikan Bersama Jerantut Golden Claw Enterprise Terhadap Pernakan Udang Kara Air Tawar

Penulis : Mohd Ridhwan Bin Che' Amat



Udang kara air tawar yang diternak di dalam tangki fiber glass



Makanan formulasi yang dihasilkan untuk udang kara air tawar



Pernakan Udang Kara dan Udang Galah air tawar semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat. Inisiatif KKJP melaksanakan kolaboratif bersama Golden Claw Enterprise dilihat sebagai langkah yang tepat. Menawarkan program Sijil Akuakultur menguatkan lagi keperluan kerjasama ini agar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang lebih berdaya saing.

Aktiviti penyelidikan bersama industri ini meliputi pembenihan, tumbesaran serta pemakanan udang kara nyata memberi pengalaman yang amat berharga. Penyelidikan yang berteras inovasi telah dilaksanakan hasil kerjasama ,dimana rumusan penghasilan makanan Udang Kara dan Udang Galah air tawar dari spesis Cherax quadricarinatus dan Macrobrachium Rosenbergii telah dapat dihasilkan. Pihak industri terlibat telah mengeluarkan sejumlah modal dan semua kerja-kerja penyelidikan telah dilaksanakan di makmal akuakultur di Kolej Komuniti Jerantut Pahang (KKJP).

Kos-kos meliputi kos bahan, yuran analisis makmal, benih-benih serta sampel udang untuk tujuan penyelidikan telah diperuntukkan oleh pihak industri. Kajian tumbesaran juga telah dapat dilaksanakan dengan sempurna di makmal akuakultur KKJP dan hasil kerjasama positif ini memberi impak maksima kepada pelajar sijil akuakultur apabila melibatkan mereka secara langsung sebagai tenaga kerja dalam kajian ini.

Kerja-kerja berkaitan perekodan kajian telah dilaksanakan oleh pelajar secara tidak langsung memberi pengalaman yang sangat berharga kepada mereka. Sumbangan kepada komuniti juga tidak dilupakan dimana kedua-dua institusi iaitu industri terlibat dan KKJP secara bersama mengendalikan kursus-kursus berkaitan udang kara air tawar dan udang galah kepada komuniti.

# Lawatan Delegasi Kolej Komuniti Jerantut bersama Industri Malaysia Ke Tinsulanonda Fisheries College, Songkhla, Thailand

Penulis : Mohd Ridhwan Bin Che' Amat



Penyerahan cenderahati daripada KKJP kepada pemilik ladang udang kara air tawar di Satun, Thailand.

Jalinan kolaborasi Kolej Komuniti Jerantut bersama Tinsulanonda Fisheries College (Songkhla, Thailand) telah dimeterai sejak 1 Jun 2016. Antara program yang telah dimanfaatkan bersama dari program ini termasuklah International Aquaculture Workshop merangkumi fasa 1 (31 Oktober 2016-6 November 2016) dan Fasa 2 (11 September 2017-17 September 2017). Program berkenaan melibatkan 4 orang tenaga pengajar Kolej Komuniti Jerantut dan Kolej Komuniti Bera menjalani latihan singkat di Tinsulanonda Fisheries College (TFC) serta lawatan penanda aras di ladang akuakultur sekitar Selatan Thailand.

Pada 24 Ogos 2018 hingga 30 Ogos 2018, Seramai 10 orang pelajar dan seorang pensyarah pembimbing dari Kolej Komuniti Jerantut telah menyertai Program Jaringan Antarabangsa Malaysia-Thailand. Program tersebut telah memberi manfaat kepada pelajar mengenai pembelajaran secara teori dan amali di Tinsulanonda Fisheries College (TFC) serta mendedahkan kepada pelajar dan pensyarah berkaitan teknologi yang digunakan di Thailand.



Penyerahan sijil penghargaan kepada pegawai latihan industri dan alumni

Perkongsian maklumat tentang penternakan udang kara air tawar

Jaringan kerjasama Malaysia-Thailand ini berterusan sehingga kini dengan dengan adanya lawatan timbal balik tenaga pengajar dari Tinsulanonda Fisheries College (TFC) serta program pertukaran pelajar dari TFC Ke Kolej Komuniti Jerantut yang berlangsung pada 9 September 2019-13 September 2019

Pada 26 Jun 2019-30 Jun 2019, Kolej Komuniti Jerantut sekali lagi menyertai delegasi ke Tinsulanonda Fisheries College (Songkhla,Thailand) sebagai pengantara dan ketua delegasi bagi pihak rakan kolaborasi Kolej komuniti Jerantut iaitu Golden Lobster (M) Sdn Bhd . Golden Lobster (M) Sdn Bhd merupakan salah satu rakan Kolaborasi Kolej Komuniti Jerantut yang berfokuskan kepada penternakan udang kara air tawar dari spesis *Cherax quadricarinatus*.

Objektif lawatan penanda aras ini termasuklah untuk mempelajari kriteria penjurian bagi pertandingan udang kara hiasan (*Procambarus clarkii*), mempelajari teknik dan sistem yang digunakan di Negara Thailand, mendedahkan kepada peserta dengan inovasi dan penyelidikan berkaitan akuakultur yang boleh diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi pensyarah serta menghubungkan pihak syarikat dengan institusi dan sektor akuakultur yang terdapat di Thailand. Segala perbelanjaan seperti kos penginapan, makan dan perjalanan adalah di bawah tanggungan pihak syarikat. Lawatan ini lebih berfokuskan kepada sektor udang kara air tawar.

# Forum Kerjaya & Jejak Alumni

Penulis : Mohd Ridhwan Bin Che' Amat



Alumni KKJP sedang berkongsi pengalaman sempena Forum Kerjaya dan Jejak Alumni 2019

Program Forum Kerjaya & Jejak Alumni merupakan inisiatif Unit Perhubungan Industri & Alumni untuk melahirkan lulusan yang diterima di pasaran serta berdaya saing setanding dengan kehendak industri dan pasaran kerjaya semasa. Program ini telah melibatkan sejumlah 2 orang alumni, 2 orang wakil industri, 59 orang pelajar serta 10 orang tenaga pengajar Kolej Komuniti Jerantut. Objektif forum ini antaranya adalah:

- (i) Memantapkan lagi program Latihan industri melalui perkongsian idea, pengalaman dan pandangan antara industri, alumni dan pelajar.
- (ii) Mengeratkan hubungan bakal graduan dengan Alumni serta pengurusan Industri yang terpilih.
- (iii) Memberikan pendedahan kepada para pelajar Kolej Komuniti untuk mempersiapkan diri sebelum memasuki alam pekerjaan.

#### Penglibatan Alumni Kolej Komuniti Jerantut:

- 1) Mohamad Fitri B. Arris (Akuakultur)
- 2) Nuraisyah Binti Mazlan (Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan)

#### Impak Program:

- i) Dapat berkongsi kepakaran dan kemahiran di antara institusi dan industri yang terlibat.
- ii) Sebagai salah satu platform mengembangkan jaringan kerjasama dalam pelbagai aspek di antara institusi dan industri.
- iii) Dapat berkongsi maklumat berkaitan Inovasi dan penyelidikan di dalam bidang yang berkaitan.

# Aspirasi Gagasan Alumni Bersama Pelajar Politeknik Dan Kolej Komuniti Zon Timur 2019

Penulis : Mohd Ridhwan Bin Che' Amat



Peserta-peserta yang mewakili Kolej Komuniti Jerantut

Mereka juga berpeluang untuk mengikuti *Slot Best Practices* dalam program ini dimana ia lebih kepada perkongsian idea dan aktiviti yang dapat menarik minat bekas-bekas pelajar agar menyertai setiap segala program mahupun aktiviti yang dijalankan oleh persatuan alumni. Dari situ, pegawai alumni dan persatuan boleh merencana dan mencambah idea bagi merancang aktiviti engagement alumni masing-masing.

Pada hari Khamis, 19hb September 2019, telah berlangsung program Aspirasi Gagasan Alumni Bersama Pelajar Politeknik Dan Kolej Komuniti Zon Timur 2019 bertempat di Mandhurah Resort, Beserah, Kuantan, Pahang.

Program Aspirasi dan Gagasan Alumni ini lebih kepada penekanan aspek pembangunan dan pengukuhan persatuan alumni bersama pelajar dimana hasrat utama program ini bagi melihat setiap persatuan alumni di setiap politeknik dan kolej komuniti diperkuuhkan bagi mencapai kestabilan dalam menjalankan setiap apa yang dirancang untuk manfaat warga alumni menjelang 2020.

Alumni dan pelajar Kolej Komuniti Jerantut yang terlibat diberikan pendedahan daripada Registrar of Society (ROS)/Pendaftar Pertubuhan Cawangan Pahang berkenaan dengan perkara persatuan Alumni di Kolej Komuniti.



Penceramah sedang menyampaikan taklimat



# Perkongsian Alumni Kolej Komuniti Jerantut

Penulis : Mohd Ridhwan Bin Che' Amat

Khamis, 21 September 2019, telah berlangsung sesi perkongsian Alumni Sijil Akuakultur Kolej Komuniti Jerantut iaitu saudara Abdul Raji B.Abdul Mubin di Bilik Mesyuarat Kolej Komuniti Jerantut. Beliau merupakan Alumni Kolej Komuniti Jerantut daripada program Akuakultur sesi November 2013 yang kini bekerja sebagai Senior Technician di syarikat Akuakultur (Zam Aquatic) yang berfokuskan kepada pemberian ikan air tawar.

Program perkongsian alumni ini lebih menumpukan kepada perkongsian maklumat berkaitan bidang akuakultur khususnya tentang pemberian ikan air tawar dan pengalaman beliau di syarikat berkaitan. Program seumpama ini telah memberi manfaat kepada pelajar semester akhir yang akan menjalani latihan industri bermula Disember 2019. Perkongsian ini meliputi aspek pengurusan seperti keperluan industri kepada pelajar yang akan menjalani latihan industri, penetapan syarikat terhadap kriteria pemilihan pekerja, cabaran industri Akuakultur di Malaysia dan luar negara, skop kerja harian di hatchery serta kemahiran terbaik pemberian ikan air tawar yang diamalkan oleh syarikat tersebut.



Alumni KKJP sedang berkongsi pengalaman



# Bosskoi Resources

Kolej Komuniti Jerantut

# JUARA

## 90Days SME Biz Challenge 2019

Penulis : Osman Bin Zolkifli

Pegawai Keusahawanan

Syarikat Bosskoi Resources yang terdiri daripada empat orang pelajar Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Jerantut telah menjuarai Pertandingan Akhir 90Days SME Biz Challenge 2019 yang berlangsung pada 5 – 7 Julai 2019 di Grand Ballroom, Sunway Putra Hotel. Bosskoi Resources telah berjaya meyakinkan seramai tujuh orang juri daripada pelbagai agensi keusahawanan melalui produk Pes Gulai Tempoyak yang merupakan makanan tradisi masyarakat negeri Pahang. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan Malaysia Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof. Bosskoi Resources berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM20,000.00 berserta piala kemenangan.

Bosskoi Resources terdiri daripada:

- Nurhafizah Husna Binti Alumuddin (CEO)
- Nur Aisyah Atiqah Binti Amran (Pengurus Kewangan)
- Afiqah Huda Binti Hazni (Pengurus Pemasaran)
- Syed Shahrizan Bin Syed Zol Kanain (Pengurus Operasi)



Pes Gulai  
Tempoyak Bosskoi

# SISWAPRENEUR SHOWCASE 2019

JUMAAT-SABAD | PLAZA MERDEKA  
26 JULAI 2019 KUCHING, SARAWAK



## Boskkoi Resources

Kolej Komuniti Jerantut

## Menang 4 Kategori

Siswapreneur Showcase Zon Borneo 2019

Penulis : Osman Bin Zolkifli

Pegawai Keusahawanan

Terbang jauh ke Borneo untuk mempertaruhkan produk tempatan Pes Gulai Tempoyak dan Sambal Bilis Petai Tempoyak tidak menghampakan apabila produk tempatan negeri Pahang ini telah mendapat sambutan hangat warga Borneo. Syarikat Boskkoi Resources Kolej Komuniti Jerantut telah berjaya memenangi empat kategori yang dipertandingkan sempena Siswapreneur Showcase Zon Borneo 2019 iaitu Best of the Best Booth, The Best Food & Beverage Category, The Richest Booth, dan The Best Eye Catching Booth. Program ini yang mengumpulkan usahawan-usahawan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia telah berjaya menjadi platform untuk pelajar-pelajar memperkenalkan dan mempromosikan produk masing-masing kepada masyarakat luar. Sebanyak 48 gerai dengan pelbagai jenis produk telah mengambil bahagian dalam program ini.



"Pelajar-pelajar dapat bertukar pandangan dalam mempelajari kaedah pemasaran dan perniagaan yang lebih berkesan"



# Bosskoi Resources

## Kolej Komuniti Jerantut

# NAIB JOHAN

### Siswapreneur Showcase Zon Timur 2019

Penulis : Osman Bin Zolkifli  
Pegawai Keusahawanan

Bosskoi Resources terus melebarkan sayap ke wilayah timur melalui penyertaan Kolej Komuniti Jerantut sempena Siswapreneur Showcase Zon Timur 2019 yang berlangsung pada 30 November hingga 2 Disember 2019 di Paya Bunga Square, Kuala Terengganu. Program yang mengumpulkan semua institusi pendidikan tinggi seluruh pantai timur ini telah berjaya memberi impak yang tinggi kepada semua peserta dalam mempromosikan dan memasarkan produk masing-masing kepada orang ramai.

Bosskoi Resources mempertaruhkan dua produk utama mereka iaitu Pes Gulai Tempoyak dan Sambal Bilis Petai Tempoyak yang telah berjaya mengumpul nilai jualan kedua tertinggi seterusnya dinobatkan sebagai Naib Juara keseluruhan.

**“Siswapreneur Showcase telah berjaya meningkatkan keyakinan diri pelajar, berani menghadapi risiko perniagaan, menjadi lebih kreatif dan kritis dalam berdepan cabaran perniagaan”**



Nurhafizah Husna mempromosikan produk pes gulai tempoyak untuk dicuba oleh warga pantai timur

# Aktiviti Keusahawanan 2019

Penulis : Osman Bin Zolkifli  
Pegawai Keusahawanan

Aktiviti Jualan Sempena Career & Entrepreneurship Expo (CEE) 2019 di UKM, Bangi 16-17 April 2019



Aktiviti Jualan Sempena Fiesta MED Usahawan Wira Ekonomi pada 26-28 April 2019 di MITC Melaka



Aktiviti RoadTour Bosskoi ke Kolej Komuniti dan Politeknik sekitar negeri Pahang pada 15-17 Mei 2019



### Agihan produk Pes Gulai Tempoyak Bosskoi ke Pasaraya Darul Makmur (15 Mac 2019)



### Agihan produk Pes Gulai Tempoyak Bosskoi ke Petronas (Mei 2019)



### Sumbangan Amal Agihan Gulai Patin Tempoyak Bosskoi ke Maahad Dirasat Diniyyah Jerantut pada Ramadhan 2019



Karnival Minggu Usahawan Nasional 2019 di Maeps Serdang pada 29 Ogos - 1 September 2019



Karnival Halfest di Mines Exhibition Centre Kuala Lumpur pada 4-8 September 2019



Karnival Halal Terengganu di Terengganu Trade Centre pada 4-8 Disember 2019



# Program Pembangunan Bakat

Penulis : Norsuzilawate Binti Zulkapli  
Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf

**“Malahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif”**

Kolej Komuniti Jerantut telah menghantar seorang pensyarah dari Unit Pengajian Am untuk mengikuti Program Pembangunan Bakat dalam usaha untuk malahirkan warga kerja yang lebih efektif. Ustaz Mohd Redzwan Bin Abdul Mutalib telah berjaya mengikuti Latihan Sangkutan Industri (LSI) di Syarikat Shamada Enterprise selama 60 hari bermula 1 Ogos 2019 sehingga 30 September 2019; dalam bidang Penyembelihan Halal.

Melalui LSI ini pensyarah telah dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada sebagaimana berikut:

- Meningkatkan kemahiran diri dalam melakukan kerja berkaitan teknikal serta penggunaan alatan-alatan moden proses penyembelihan halal.
- Dapat mempraktikkan teori yang dipelajari terus di industri.
- Dapat mempraktikan teknik penyembelihan halal dan pengurusan karkas sehingga peringkat jualan produk.
- Meningkatkan kemahiran berinteraksi dengan pegawai atasan dan orang ramai.



**5%** Pensyarah menjalani Program Pembangunan Bakat

**TERCAPAI**



Menguruskan ternakan dan kerja penyembelihan

## MAKLUMAT PENSYARAH



Nama : Mohd Redzwan Bin Abdul Mutalib  
No. Kad Pengenalan : 810907-01-6081  
Unit Pengajian Am  
Program Pembangunan Bakat :  
Sangkutan Industri Pensyarah (SIP)  
Bidang: Pengurusan Sembelihan Halal

## MAKLUMAT INDUSTRI

Nama Syarikat: Shamada Enterprise  
Bidang : Pengurusan Sembelihan Halal  
Alamat : 161 Felda Jenderak Selatan,  
28050 Kuala Krau,  
Temerloh, Pahang.  
No Telefon : 013-9387217  
Nama Pegawai Penyelia: En Syamsul Abdullah Bin Thani  
Jawatan : Pengarah Urusan

# LAPORAN KEHADIRAN BERKURSUS

## STAF (TAHUN 2019)

Penulis : Norsuzilawate Binti Zulkapli  
Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf



**100%** Staf menghadiri kursus  
5 hari setahun  
**TERCAPAI**

Bil.	Nama	Gred	Jumlah Hari Berkursus
1	AHMAD SABRE BIN OSMAN	DH44	7
2	AININ FAIZAH BINTI ALIAS	DH29	9
3	ASRI BIN MAMAT	JA29	8
4	AZIZURANI BINTI AHMAD	C19	10
5	AZLINA BINTI ABDUL HALIM	N19	7
6	AZNI BIN ZAINUN	S19	9
7	ISMAIL BIN SAMSUDIN	DH48	7
8	MOHAMAD AZRI BIN MOHAMMAD	DH44	16
9	MOHD AZMAN BIN ROSLI	DH48	31
10	MOHD REDZUAN BIN MOHD AZIZ	N29	11
11	MOHD REDZWAN BIN ABDUL MUTALIB	DH48	74
12	MOHD RIDHWAN BIN CHE' AMAT	DH41	9
13	MOHD SHAHIDAN BIN MOHD ZAIN	FT19	7
14	MUHAMAD NAZIMI BIN BIN MAT SALEH	H11	6
15	NOR AMALINA BINTI ABDULLAH	DH41	15
16	NORADILA BINTI AMRUN	DH41	9
17	NORAHIZA BINTI FAKHRUDDIN	W19	6
18	NORAIHAN BT AHMAD @ MOHAMAD	DH44	11
19	NORSUZILAWATE BINTI ZULKAPLI	DH48	19
20	NUR ILYANA BINTI ABDULLAH	DH41	8
21	NUR LIYANA BINTI RUSLI	DH44	16
22	OSMAN BIN ZOLKIFLI	DH34	14
23	ROSILAH BINTI KHAIRUDIN	FA29	5
24	ROSNINA BINTI SAAD	N11	8
25	SITI NORISIKIN BINTI ABAS	DH44	21
<b>JUMLAH</b>	<b>25 Orang</b>		

## SENARAI KURSUS/BENGKEL/LATIHAN STAF TAHUN 2019

Penulis : Norsuzilawate Binti Zulkapli  
Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf

### Bengkel Jom Jimat Elektrik

 18 Januari 2019  
Kolej Komuniti Jerantut



### Kursus Penilaian Sensori Makanan

 10 – 12 April 2019  
Kolej Komuniti Jerantut



### Kursus Pemantapan Dokumen PdP Pensyarah

 24 Jun 2019  
Kolej Komuniti Jerantut



## SENARAI KURSUS/BENGKEL/LATIHAN STAF TAHUN 2019

Penulis : Norsuzilawate Binti Zulkapli  
Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf

### Taklimat Pengendalian Makanan & Pemakanan Sihat Bersama Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut



4 September 2019  
ADTEC Jerantut



### Bengkel Pengurusan KPI Kolej 2019

5 November 2019  
Kolej Komuniti Jerantut



### Kursus Asas Penyembelihan

11 September 2019  
Masjid Tengku Mahkota Abdullah, Jerantut



# Pensyarah dan Pelajar KKJP terus ungguli projek rekacipta & inovasi 2019

Penulis : Norsuzilawate Binti Zulkapli  
Pegawai Penyelidikan dan Inovasi



Pertandingan MyCCSkills Inovasi dan Rekacipta Pelajar 2019 (MySkrip'19)

- KOLEJ KOMUNITI JERANTUT JOHAN KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (PROJEK INOVASI S-CRUZTAFEED)
- KOLEJ KOMUNITI JERANTUT NAIB JOHAN KATEGORI SAINS SOSIAL (PROJEK INOVASI SAMBAL GARING KULIT PETAI)



Pertandingan Inovasi SGFAMB 2019 Kategori Pelajar, produk inovasi pelajar Kolej Komuniti Jerantut telah berjaya:

- Premix Asam Rong memenangi Pingat Gangsa
- Uncang Emas memenangi Pingat Perak
- Azolla Fish Feed Flake memenangi Pingat Perak.



Pingat Emas untuk Produk Inovasi  
Mesin Pencuci Kunyit sempena  
i'compex 2019




Projek Solar E-aqua Pingat  
Gangsa



Mesin Pengupas Kunyit  
Pingat Gangsa



Smart Monitoring System Pingat Gangsa



Tiga projek dipertandingkan sempena ICC-TVET'19:

- Mesin Pengupas Kunyit Pingat Emas
- Collagen Drink Pingat Perak
- Sistem Rekod Maklumat Pelajar Kolej Komuniti Jerantut (eBERHENTI eTANGGUH) Pingat Perak

# Program Kolaboratif Sekolah & Masjid Angkat

Penulis : Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad  
Pegawai Penerangan

Majlis Kolaborasi ini diadakan pada 22 Februari 2019 bertempat di dewan Kuliah Kolej Komuniti Jerantut. Kolaboratif ini melibatkan antara Kolej Komuniti Jerantut dengan enam buah sekolah dan masjid disekitar Daerah Jerantut.



*Kunjungan Hormat Pengarah ke Sekolah Menengah Jerantut bagi membincangkan program kolaboratif.*



*Majlis kolaboratif sekolah Angkat dan masjid angkat*

## Objektif program:

- Menjalin hubungan erat antara Kolej Komuniti Jerantut dengan sekolah-sekolah dan masjid-masjid Daerah Jerantut.
- Memberikan pendedahan kepada pengetua dan kaunselor sekolah mengenai program sijil yang ditawarkan di Kolej Komuniti Jerantut.
- Untuk memupuk semangat kerjasama dan keyakinan terhadap institusi kolej sebagai pusat perkembangan ilmu yang berterusan.
- Memberi peluang pendidikan kepada pelajar di sekolah-sekolah daerah Jerantut.

# Program ‘The Hero In You’

Penulis : Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad Pegawai Penerangan

Program Motivasi “The Hero In You” ini telah diadakan pada 4 April 2019 bertempat di ADTEC Jerantut. Program ini adalah bertujuan memberikan motivasi dan semangat serta persediaan bagi tujuan Peperiksaan SPM yang bakal ditempuhi kelak. Program ini anjuran Unit Pengambilan dan Unit Promosi Kolej Komuniti Jerantut.

Program ini juga bertujuan memperkenalkan Kolej Komuniti sebagai satu platform atau institusi Kemahiran yang diiktiraf oleh MQA serta mampu memberikan kemahiran yang berkualiti kepada pelajar yang menyambung belajar di institusi ini.

Diharapkan dengan adanya program seperti ini, ia memberikan impak positif terutama kepada Pelajar-pelajar yang hadir serta guru-guru yang terlibat.

Golongan sasaran:

Pelajar Tingkatan 4 dan 5

- SMK Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak
- SMK Padang Piol
- SMK Temin
- SMK Jerantut
- SMK Jengka Pusat 2
- SMK Inderapura



Program The Hero In You telah diadakan di Dewan Besar ADTEC, Jerantut



Penyampaian sijil dan cenderahati kepada penceramah



Pengarah KKJP selaku penceramah bagi program motivasi The Hero In You

# Program Bakul Ramadhan

Penulis : Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad  
Pegawai Penerangan

Program Bakul Ramadhan adalah program yang dilaksanakan setiap tahun di bulan Ramadhan bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan.

Program ini telah diadakan pada 27 sehingga 28 Mei 2019, sebanyak 10 bakul telah diedarkan di sekitar bandar Jerantut meliputi Taman Ria, Kg Mat Kilau 2, Kg Batu 1, Taman Perdana, Taman PAKR Bandar Baru, Jerantut, Pahang. Bakul yang disumbangkan mengandungi makanan keperluan harian untuk menyambut hari raya Aidilfitri.



*Bakul Ramadhan merupakan derma daripada staf dan pensyarah KKJP untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan.*

## Objektif Program:

- ✓ Menggerakkan silaturahim Kolej Komuniti dengan masyarakat setempat.
- ✓ Membantu golongan yang tidak berkemampuan dan yang dalam kesusahan untuk menyambut Aidilfitri
- ✓ Mempromosikan kursus-kursus sepenuh masa yang ada di Kolej Komuniti Jerantut.



*Penyerahan sumbangan bakul berupa barang keperluan harian kepada golongan asnaf*

# KPI KKJP CEMERLANG

Penulis : MOHD REDZWAN ABDUL MUTALIB

**Kolej Komuniti Jerantut mencatatkan pencapaian cemerlang bagi tahun 2019 apabila Petunjuk Prestasi Utama (KPI) keseluruhan mencapai 94% untuk 14 KPI yang ditetapkan. KPI yang mencapai skor 100% adalah seperti berikut :**

NO KPI	KENYATAAN	PEMILIK
KPI 1	Peratus kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen	Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad
KPI 2	Peratus graduan Politeknik dan Kolej Komuniti yang bekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan	Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad
KPI 3	Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT)	Noradila Binti Amrun / Nor Amalina Binti Abdullah
KPI 4	Peratusan Graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad / Osman
KPI 6	Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan komuniti atau institusi	Nur Ilyana Binti Abdullah
KPI 8	Bilangan hebahan jabatan / institusi di media baharu	Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad
KPI 9	Bilangan video promosi / institusi / success story	Noraihan Binti Ahmad @ Mohamad
KPI 10	Bilangan aktiviti Lean Management di jabatan / institusi	Nur Liyana Binti Rusli
KPI 12	Peratus prestasi pembayaran bil dalam tempoh 7 hari daripada dokumen lengkap diterima	Mohd Redzuan Bin Mohd Aziz
KPI 14	Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa	Norsuzilawate Binti Zulkapli
KPI 21	Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	Mohd Ridhwan Bin Che Amat
KPI 22	Bilangan penyertaan program PSH bagi setiap institusi pada tahun semasa	Siti Norisikin Binti Abas
KPI 23	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni	Mohd Ridhwan Bin Che Amat



Penulis : Mohd Azman bin Rosli

Penyelaras Sukan

Kejohanan Sukan TVET Pahang Barat 2019 adalah program kerjasama antara 4 buah Institusi Pendidikan TVET berlainan Kementerian yang terdapat di Pahang Barat antaranya ialah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Temerloh (Kementerian Belia & Sukan) iaitu selaku pengajur bagi tahun 2019, Kolej Komuniti Jerantut (Kementerian Pendidikan Malaysia), Pusat Latihan Teknologi Tinggi Jerantut (Kementerian Sumber Manusia) dan Pusat Giatmara Jerantut (Kementerian Kemajuan dan Luar Wilayah).

Kejohanan Sukan ini mempertandingkan sebanyak 13 acara membabitkan penyertaan pelajar seperti bola sepak (L), futsal (L), bola jaring, badminton (berpasukan L & W), ping pong (berpasukan L & W), bola tampar (L & W), sepak takraw, e-sport, wall climbing, catur, dart, congkak dan karom yang berlangsung pada 22 & 23 Oktober 2019 di IKTBN Temerloh.



#### **IMPAK PROGRAM**



Memupuk semangat kesukanan di kalangan pelajar-pelajar institusi kemahiran yang terlibat.



Jalinan kolaborasi dalam bidang kesukanan di antara 4 institusi pendidikan TVET yang terlibat.



Kerjasama strategik dalam pertukaran pendapat dari aspek pengendalian sukan di peringkat yang lebih tinggi melibatkan institusi kemahiran dari latarbelakang pelbagai kementerian.



Pra persediaan kepada atlit-atlit sebelum menempuh kejohanan sukan di peringkat yang lebih tinggi.





# Kejohanan Sukan Kolej Komuniti Malaysia (KSKK'19)

Penulis : Mohd Azman bin Rosli

Penyelaras Sukan

Kejohanan Sukan Kolej Komuniti (KSKK) 2019 kali ke 12 merupakan sukan tahunan Kolej Komuniti anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM) yang akan disertai oleh semua pelajar dari Kolej Komuniti mewakili sepuluh buah Negeri/Wilayah. Kejohanan kali ini dikelolakan oleh Kolej Komuniti Negeri Selangor dan berlangsung pada 25 hingga 28 April 2019 di Kolej Matrikulasi Banting, Selangor.

Dalam kejohanan tersebut, seramai 5 orang pelajar Kolej Komuniti Jerantut telah mewakili Kolej Komuniti Negeri Pahang bagi beberapa acara sukan seperti Olahraga, Bola Sepak dan Bola Jaring.



## IMPAK PROGRAM



Memupuk semangat kesukanan di kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti.



Menyediakan platform yang tinggi bagi mencungkil bakat pelajar kolej komuniti dalam arena sukan.



Pra persediaan kepada atlit-atlit sebelum menempuh kejohanan sukan di peringkat yang lebih tinggi seperti SUKIPT, SIPMA, Liga IPT dan lain-lain.



Mempersiapkan atlit bagi menempuh dan memperkuatkan diri dari aspek mental, fizikal dan menyediakan platform sosial dan persaingan secara sihat dalam bidang kesukanan.



# Pencapaian dan Kejayaan



# PERTANDINGAN MYSTERY BOX OF COOKING CHALLENGE NAIB JOHAN

Anjuran  
Kolej Komuniti Sabak Bernam





# SME BANK 90 DAYS BUSINESS CHALLENGE 2019

## JUARA

### RM20,000.00

## BOSSKOI RESOURCES

## KK JERANTUT



## PRO'F COMPETITION 2019 INSTITUSI TVET PAHANG

# JOHAN KEMAHIRAN TVET

- Keropok Lekor Inti Sambal Hitam
  - Roti Bun Keledek Ungu
- Butterscotch Taufufah Dengan Cendol



GARAH -  
TEKNIK DAN  
BIL 2/2019

PERKHIDMATAN  
PENGETAHUAN  
UMPTED



## PENCAPAIAN CEMERLANG PROGRAM KEUSAHAWANAN KOMUNITI PSH KOLEJ KOMUNITI TAHUN 2019





## MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN PROGRAM KEUSAHAWANAN KOMUNITI – MOBILE EKASIH AMAL RICE PROJECT 2019



**“Sebungkus Rasa Segenggam Makna”**



---

## MYSKRIPT'19

---

**JOHAN**

S1 – CRUZTAFEED

**NAIB JOHAN**

**SAMBAL GARING KULIT PETAI**





## PERTANDINGAN AQUASCAPE JOHAN

Anjuran Kk Tampin





# Keratan Akhbar



## Tuah 'Pes Gulai Tempoyak'

Hazlin Mohamed, 2010/07/21 | 10:08:00  
2013 16:48+02



KUALA LUMPUR: Residen Petaling, Hazlel Mohd Ali, mengadakan buka puasa bersama di Rumah Sedap, Bar Aqiqah Agape Aran, Majlis Tafsiah dan Syarikat Nusantara Sdn Bhd di sini semalam.

KUALA LUMPUR: Kesungguhan dan kecekalan empat pelajar Kolej Komuniti Jerantut, Pahang menghasilkan produk perniagaan akhirnya membuatkan hasil

**Metro**

## Setahun 'korek' rahsia gulai tempoyak

BY ROSLAN AB MALLIK AMY 16 2013 10:10 PM

"Kami menjelajah dari satu kampung ke kampung di daerah ini untuk belajar cara memasak gulai tempoyak yang asli. Malah kami juga mencuba

— Hatan Metro's Article

See More ▾

## Pes gulai tempoyak pacu kejayaan

4 pelajar terdiri daripada 2000,000 tumbuh syarikat dasar produk ke sekitar negara

BERAKHIR pada hari ini, 1000 pelajar terdiri daripada 2000,000 tumbuh syarikat dasar produk ke sekitar negara yang diluluskan oleh Kolej Komuniti Jerantut, Pahang menghasilkan produk perniagaan akhirnya membuatkan hasil

produk perniagaan akhirnya membuatkan hasil



## Pensyarah cipta mesin kupas kulit kunyit



36 setempat

Untuk artikel ini anda boleh dilihat dalam versi resmi maklumat per potong.

## 'Campak campak jadi gempak'

■ Empat pelajar Kolej Komuniti Jerantut, Pahang menghasilkan produk perniagaan



## Agih 100 pek gulai tempoyak patin



KUALA Lumpur: Setakat 9000 mengagumkan 100 pek gulai tempoyak patin berharga RM150, turut bersaiz besar berkuasa mencakupi 100 pek produk orang lepas berkempen yang menggunakan peralatan teknologi terkini.



# Autograf



**KOLEJ KOMUNITI JERANTUT**  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Taman Wawasan,  
Jalan Jerantut-Temerloh,  
27000 Jerantut, Pahang.  
**MALAYSIA**

Tel: 092662945  
Faks: 092662946  
Facebook: Kolej Komuniti Jerantut  
[kkjerantut@kkjerantut.edu.my](mailto:kkjerantut@kkjerantut.edu.my)

